

Siasatan punca lif PPR Kerinci terhempas pada 2 Ogos lalu selesai

# Komponen brek gagal berfungsi

**K**UALA LUMPUR – Kegagalan komponen dalam sistem brek lif berfungsi dengan baik menjadi punca kejadian lif Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinci di sini terhempas pada 2 Ogos lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, siasatan forensik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) terhadap kotak hitam lif berkenaan mendapati, satu daripada pelocok pada bahagian brek itu mengalami kerosakan dan menyebabkan ia tidak dapat mengengkam dram bagi memberhentikan lif dengan baik.

"Pada hari kejadian, brek itu tidak berfungsi dengan baik oleh



KHALID



LAPAN orang termasuk seorang kanak-kanak cedera selepas lif yang dinaiki terhempas dari tingkat lima PPR Kerinci, Kuala Lumpur pada 2 Ogos lalu.

kerana pelocok tersekat. Apabila tersekat, maka brek tidak dapat mengengkam dram untuk menghentikan lif di tingkat lima. Jadi, sebab itu lif jatuh terhempas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) di sini yang turut dihadiri Ketua Pengarah JKKP, Omar Mat Piah dan Pengarah Bahagian Forensik Kejuruteraan JKKP, Salina Tukimin.

Beliau berkata, lif tersebut termasuk sistem brek telah melalui proses pemeriksaan seminggu sebelum kejadian oleh kontraktor



yang dilantik dan keadaannya disahkan berfungsi dengan baik.

Khalid juga menjelaskan, sistem brek kecemasan lif berfungsi dengan baik ketika kejadian, namun kelajuan jatuhnya lif tidak mencapai tahap yang membolehkan sistem brek kecemasan diaktifkan.

Beliau berkata, had kelajuan bagi membolehkan sistem brek kecemasan diaktifkan ada dua iaitu bagi brek elektrik 2.18 meter sesaat dan 2.26 meter sesaat bagi brek mekanikal.

"Oleh kerana kelajuan jatu-

han lif ketika ia terhempas ialah 2.13 meter sesaat, maka kelajuan itu tidak sampai pada tahap yang boleh mengaktifkan gear keselamatan sistem brek

kecemasan lif," katanya.

Beliau berkata, siasatan kejadian itu telah selesai dan pihaknya merancang bertemu dengan pengeluar sistem brek lif termasuk mendapatkan manual model bagi meneliti penambahbaikan yang perlu dilakukan pada masa akan datang.

Dalam kejadian pada 2 Ogos lalu, lapan orang termasuk seorang kanak-kanak cedera selepas lif yang mereka naiki terhempas dari tingkat lima pangsupuri berkenaan. - Bernama